

**KONSEPTUALISASI EKO-POLITINOMIK
BERTERASKAN ISLAM**

AHMAD FAIZ BIN OMAR HATHAB

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2025

KONSEPTUALISASI EKO-POLITINOMIK BERTERASKAN ISLAM

oleh

AHMAD FAIZ BIN OMAR HATHAB

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2025

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah rahmat dan kasih sayangnya yang telah mengurniakan kesihatan, kekuatan, kesabaran, dan semangat sepanjang proses penghasilan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat-sahabat Baginda SAW.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dirakamkan buat Prof Madya Dr Mohd Syakir Mohd Rosdi selaku penyelia utama dan Dr Wan Norhaniza Wan Hasan selaku penyelia bersama atas bimbingan, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang proses penghasilan tesis ini. Segala komitmen dan perhatian mereka memberikan dorongan untuk menyempurnakan tesis ini amat dihargai. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah, staf dan sahabat seperjuangan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia atas bimbingan dan sokongan yang tidak pernah putus. Penghargaan juga buat keluarga tersayang iaitu isteri tercinta Nurul Shafiqah Shahul Hamid, yang dirindukan Ayah al-Marhum Omar Hathab Mohd Sultan, ibu tersayang Sabiyah Mohd Nagoor, dan Anak Nur Shafa'atul Faizah serta keluarga dan keluarga mertua termasuklah Ayah Mertua dan juga Ibu Mertua yang juga Guru Pembuka (*Futuh*) kepada diri ini iaitu al-Fadil Tuan Guru Ustaz Haji Shahul Hamid dan Ustazah Sharifah Abdullah yang tidak pernah jemu memberikan sokongan dan dorongan dalam menghadapi kehidupan.

AHMAD FAIZ BIN OMAR HATHAB

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Universiti Sains Malaysia.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	iii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Pernyataan Masalah.....	16
1.4 Objektif Kajian	21
1.5 Persoalan Kajian.....	21
1.6 Definisi Operasional.....	23
1.6.1 Konseptualisasi.....	23
1.6.2 Eko-Politinomik Islam.....	24
1.7 Skop dan Batasan Kajian.....	27
1.8 Kepentingan Kajian.....	28
1.9 Sumbangan Kajian	29
1.10 Organisasi Kajian	32
1.11 Rumusan	33
BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA	35
2.1 Pendahuluan	35
2.2 Kajian-Kajian Lepas.....	36
2.2.1 Politinomik Islam.....	36

2.2.1(a)	Pengurusan Politinomik Islam.....	37
2.2.1(b)	Konsep Politinomik Islam.....	40
2.2.2	Eko-Politinomik Konvensional.....	45
2.2.3	Ekologi Islam.....	50
2.2.3(a)	Konsep Ekologi Islam.....	50
2.2.3(b)	Pengurusan Ekologi Islam.....	58
2.3	Analisis Kajian Lepas.....	67
2.4	Sorotan Karya.....	68
2.4.1	Politinomik Islam.....	69
2.4.1(a)	Falsafah Politinomik Islam.....	70
2.4.1(b)	Prinsip dan Ciri-Ciri Politinomik Islam.....	73
2.4.1(c)	Matlamat Politinomik Islam.....	77
2.4.2	Eko-Politinomik Konvensional	81
2.4.3	Ekologi Islam.....	94
2.4.4(a)	Konsep Ekologi Islam.....	94
2.4.4(b)	Pengurusan Ekologi Islam.....	103
2.5	Analisis Sorotan Karya.....	113
2.6	Kerangka Konseptual.....	115
2.7	Kesimpulan.....	117
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....		118
3.1	Pengenalan.....	118
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	118
3.3	Kaedah Pengumpulan Data.....	121
3.3.1	Sumber Primer (Instrumen Kajian).....	122
3.3.1(a)	Pemilihan Informan.....	125

3.3.1(b)	Kategori Informan.....	129
3.3.2	Sumber Sekunder	130
3.3.2(a)	Sumber Utama (Al-Quran dan Hadis)	132
3.3.2(b)	Sumber Kedua	133
3.3.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	134
3.4	Kaedah Penganalisan Data.....	136
3.5	Rumusan.....	144
BAB 4 ASAS-ASAS EKO-POLITINOMIK BERTERASKAN ISLAM.....		146
4.1	Pendahuluan	146
4.2	Asas-Asas Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam	146
4.2.1	Asas-Asas Ekologi Islam	147
4.2.1(a)	Dalil al-Quran dan Hadis.....	148
4.2.1(b)	Definisi Ekologi Islam.....	160
4.2.1(c)	Prinsip Ekologi Islam	168
4.2.1(d)	Ciri-Ciri Ekologi Islam	181
4.2.2	Asas-Asas Politinomik Islam.....	188
4.2.2(a)	Kefahaman Politinomik Islam.....	188
4.2.2(b)	Prinsip Politinomik Islam	196
4.2.2(c)	Ciri-Ciri Politinomik Islam	206
4.3	Kesimpulan.....	213
BAB 5 ANALISIS PEMBINAAN KONSEP EKO-POLITINOMIK BERTERASKAN ISLAM		214
5.1	Pendahuluan	214
5.2	Kesepaduan Integrasi Politinomik Islam Terhadap Ekologi Islam	215
5.2.1	Kesepaduan Konsep Politinomik Islam dan Ekologi Islam.....	215
5.2.2	Kaedah Kesepaduan Politinomik Islam dan Ekologi Islam.....	230

5.2.3	Sikap dan Tanggapan	247
5.3	Pembinaan Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam	256
5.4	Rumusan Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam	270
5.5	Kesimpulan.....	278
BAB 6 PENUTUP.....		279
6.1	Pendahuluan	279
6.2	Penemuan Utama dan Rumusan Kajian	280
6.3	Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar	293
6.3.1	Implikasi Teoretikal Terhadap Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam.....	293
6.3.2	Implikasi Praktikal Pelaksanaan Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam.....	293
6.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	294
6.4.1	Subjek Kajian	294
6.4.2	Kaedah Penyelidikan	294
6.5	Kesimpulan	295
BIBLIOGRAFI.....		296
LAMPIRAN		
SENARAI PENERBITAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian..... 18
Jadual 3.1	Senarai Pemilihan Informan Kajian.....146
Jadual 3.2	Senarai Informan dan Kod.....139
Jadual 3.3	Rumusan Kaedah Penyelidikan.....159
Jadual 5.1	Hasil Analisis Kesepaduan Konsep Politinomik Islam dan Ekologi Islam243
Jadual 5.2	Hasil Analisis Kaedah Kesepaduan Konsep Ekologi Islam dan Politinomik Islam 262
Jadual 5.3	Hasil Analisis Sikap dan Tanggapan271
Jadual 5.4	Hasil Analisis Saranan Pembinaan Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam283
Jadual 5.5	Rumusan Hasil Analisis Konsep Eko-Politimomik Berteraskan Islam.....284
Jadual 5.6	Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam288
Jadual 6.1	Ringkasan Rumusan Berdasarkan Objektif, Persoalan, dan Dapatan Kajian297

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Elemen Pembangunan Lestari.....5
Rajah 1.2	Perkembangan Teori Ilmu Eko-Politinomik Konvensional.....9
Rajah 1.3	Elemen Dasar Alam Sekitar Negara..... 27
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian.....132
Rajah 3.1	Prosedur Analisis data Menggunakan Atlas Ti.....141
Rajah 3.2	Kebolehpercayaan dan Kesahan Data ATLAS ti.....142
Rajah 3.4	Tatacara Kajian..... 145
Rajah 4.1	Asas-Asas Ekologi Islam163
Rajah 4.2	Rumusan Dalil al-Quran dan Hadis Ekologi Islam.....175
Rajah 4.3	Definisi Ekologi Islam176
Rajah 4.4	Prinsip Ekologi Islam 184
Rajah 4.5	Ciri-Ciri Ekologi Islam196
Rajah 4.6	Asas-Asas Politinomik Islam203
Rajah 4.7	Kefahaman Politinomik Islam204
Rajah 4.8	Prinsip Politinomik Islam210
Rajah 4.9	Ciri-Ciri Politinomik Islam222
Rajah 5.1	Kesepaduan Konsep Politinomik Islam dan Ekologi Islam 231
Rajah 5.2	Kaedah Kesepaduan Ekologi Islam dan Politinomik Islam 244
Rajah 5.3	Sikap dan Tanggapan 263
Rajah 5.4	Saranan Pembinaan Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam.....272
Rajah 5.5	Kerangka Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam Berdasarkan Informan..... 285

SENARAI SINGKATAN

APA	<i>American Psychological Association</i>
Bil.	Bilangan
Dlm.	Dalam
Eko	Ekologi
Eko-Politinomik	Ekologi-Politik-Ekonomi
EPK	Eko-Politinomik Konvensional
KEPBI	Konsep Eko-Politinomik Berteraskan Islam
Hlm.	Halaman
IPBI	Institusi Pembangunan Berteraskan Islam
ISDEV	Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (<i>Centre for Islamic Development Management Studies</i>)
MEB	Konsep Ekonomi Baru
MDG	<i>Millennium Development Goal (Matlamat Pembangunan Milenium)</i>
PBI	Pembangunan Berteraskan Islam
PRPM	Pusat Rujukan Perpustakaan Malaysia
Samb.	Sambungan
SAW	<i>Salla Allah 'alayh wa Sallam</i>
SDG'S'	<i>Sustainable Development Goal (Matlamat Pembangunan Lestari)</i>
SWT	<i>Subhanahu wa Ta'ala</i>
Vol.	<i>Volume</i>

KONSEPTUALISASI EKO-POLITINOMIK BERTERASKAN ISLAM

ABSTRAK

Keseimbangan ekologi menjadi kehendak masyarakat modenisasi hari ini, tetapi isunya ia tidak mengintegrasikan perspektif politik dan ekonomi secara sepadu. Kalau pun ada perbincangan tentang politik dan ekonomi berkaitan ekologi ini, ia dilakukan secara terpisah. Natiujahnya, berlaku ketidakseimbangan konsep ekologi apabila yang ditekankan hanya interaksi makhluk hidup dan ekologi dengan industri, budaya, media, haiwan, ekonomi, keluarga dan politik sahaja secara berasingan. Dalam keadaan demikian, kesepaduan antara politik dengan ekonomi ini, atau boleh diakronimkan sebagai “Politinomik” sangat diperlukan dalam pembinaan sebuah konsep ekologi yang holistik. Setakat ini, belum banyak konsep yang cuba menghubungkan ekologi dengan konsep politinomik ini, atau boleh diakronimkan sebagai “Eko-Politinomik”. Tambahan lagi belum ada yang cuba menghubungkan eko-politinomik ini dengan Islam. Permasalahan ini semakin meruncing apabila kerangka ekonomi dan politik konvensional yang bersifat kapitalistik terbukti mempercepatkan kerosakan alam sekitar, memperluas jurang sosio-ekonomi, dan melemahkan tadbir urus politik global. Pendekatan pembangunan semasa masih bersifat sektoral, ekologi dipisahkan daripada ekonomi, manakala ekonomi pula dipisahkan daripada politik, sedangkan cabaran dunia hari ini bersifat saling berkait. Ketiadaan kerangka konsep yang bersepadu menyebabkan hubungan manusia dan alam menjadi pincang. Justeru, situasi ini menuntut kepada pengenalan satu kerangka konsep alternatif iaitu konsep eko-politinomik berteraskan Islam (KEPBI) sebagai konsep baharu dalam menangani cabaran ekologi kontemporari. Oleh sebab itu, kajian

ini membina KEPBI yang boleh dipakai untuk menyeimbangkan pengurusan ekologi dan pembangunan ekonomi terutamanya di negara-negara Muslim khususnya di Malaysia melalui tiga objektif kajian. Pertama, mengenal pasti ekologi Islam dengan politinomi Islam. Kedua, mengintegrasikan ekologi Islam dengan politinomi Islam. Ketiga, merumuskan KEPBI. Bagi menjawab objektif kajian yang dikemukakan, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan *grounded theory*. Kajian ini dilaksanakan melalui temu bual mendalam secara separa struktur dengan enam orang informan iaitu tiga orang pakar akademik dan tiga orang pakar bidang. Kajian ini menganalisis temu bual mendalam yang dilaksanakan menggunakan alat bantuan perisian ATLAS.ti 8.4. Tambahan lagi, kajian ini menggunakan data sekunder daripada kajian dokumen yang berkaitan dengan KEPBI. Seterusnya, kajian ini mengtriangulasikan data temu bual dengan kajian dokumen. Data yang ditemukan digunakan untuk membina KEPBI. Hasilnya, KEPBI terbina melalui empat aspek penting yang ditekankan iaitu dua matlamat utama; *mardatillah* dan *al-falah*, 11 prinsip, 12 ciri-ciri dan empat kaedah KEPBI. Kesimpulannya, kajian ini menghasilkan sebuah KEPBI yang sangat signifikan kepada agenda negara Malaysia, khususnya dalam merealisasikan dasar-dasar dan polisi-polisi berkaitan pemeliharaan ekologi dalam pembangunan ekonomi negara. KEPBI ini dibangunkan untuk membantu kehendak kerajaan bagi menjayakan dasar yang dibina di bawah transformasi ekologi-politik-ekonomi secara bersepadu yang lebih komprehensif.

CONCEPTUALIZATION OF ISLAMIC BASED ECO-POLITINOMIC

ABSTRACT

Ecological balance has become a crucial demand in today's era of modernization; however, the main issue lies in the absence of integration between political and economic perspectives in a unified framework. Existing discussions tend to emphasize ecology in relation to industry, culture, media, animals, economy, family, or politics separately, resulting in an imbalanced understanding of ecology. Hence, the integration of politics and economics acronymized as "Politinomics" is urgently required to produce a holistic ecological framework. To date, very few concepts have attempted to connect ecology with politinomics, let alone integrate it with Islam. The problem has become more pressing as conventional capitalist political-economic frameworks have accelerated environmental degradation, widened socio-economic disparities, and weakened global governance. A sectoral approach to development separating ecology, economy, and politics ultimately distorts the relationship between humans and nature. To address this challenge, the present study constructs the concept of Islamic based Eco-Politinomics as an alternative framework to balance ecological management and economic development, particularly in Muslim majority countries such as Malaysia. The study outlines three objectives: first, to identify Islamic Ecology with Islamic Politinomic; second, to integrate Islamic ecology with Islamic politinomics; and third, to formulate the components of the Islamic based Eco-Politinomics concept. This study adopts a qualitative design using the *grounded theory* approach, involving six informants (three academic experts and three field practitioners) through semi-structured interviews, analyzed with ATLAS.ti 8.4, and

triangulated with document analysis. The findings establish the Islamic based Eco-Politinomics concept through four key aspects: two ultimate goals (*mardatillah* and *al-falah*), 11 principles, 12 characteristics, and four methodological approaches. Overall, the study introduces a significant framework of Islamic based Eco-Politinomics that supports Malaysia's national agenda, particularly in realizing policies on ecological preservation and economic development through a more integrated and comprehensive eco-political-economic transformation.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini dilakukan untuk meneliti konsep eko-politinomik berteraskan Islam (KEPBI) yang diakronimkan daripada perkataan ekologi Islam dan politinomik Islam. Eko-politinomik Islam di sini boleh dimaksudkan sebagai satu ilmu yang membincangkan penjagaan ekologi oleh ahli politik dan ahli ekonomi ketika proses pembangunan sesebuah negara untuk menyeimbangkan antara pembangunan ekologi dengan pembangunan ekonomi seperti saranan yang terdapat dalam sumber-sumber Islam. Penerokaan terhadap konsep ekologi yang dihubungkan dengan konsep ekonomi politik atau disebut sebagai eko-politinomik secara Islam masih belum dijumpai. Kajian yang ada, banyak dilakukan dalam paradigma konvensional ada kalanya dihubungkan dengan konsep ekonomi politik konvensional.

Kajian ini berhasrat untuk menemukan satu konsep ekologi-politik-ekonomi Islam yang dirangka dalam satu konsep yang dinamakan sebagai konsep eko-politinomik berteraskan Islam (KEPBI). Sebagai bab permulaan, bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian serta organisasi kajian bagi memberikan para pembaca gambaran awal mengenai kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Secara asasnya Eko-Politinomik Islam ialah terma yang diambil daripada gabungan perkataan Ekologi Islam dan Politinomik Islam seperti yang dijelaskan dalam bahagian pendahuluan. Bidang Eko-Politinomik Islam ini masih belum diterokai oleh mana-mana penyelidik. Justeru, untuk mengetahui lebih lanjut mengenai latar belakang awal perkembangan ilmu ini dijelaskan dahulu perkembangan eko-politinomik secara konvensional. Menurut Pankaj (2016) eko-politinomik konvensional (EPK) ini adalah berkaitan antara politik, ekonomi, faktor-faktor sosial dengan isu dan perubahan ekologi. Beliau juga menjelaskan bahawa bidang EPK adalah satu bidang yang dibincangkan secara meluas oleh ahli-ahli akademik dalam bidang pembangunan. Selain itu, menurut Peter (2005) bidang EPK ini telah diperkenalkan secara kukuh sebagai satu bidang dominan berkaitan ekologi dan sumber manusia. Bidang ini merangkumi tumpuan terhadap ekologi dan prinsip ekonomi dan prinsip politik (Ramos, 2023). Tambahan lagi, menurut Carter (2024) kajian dalam bidang ini merupakan suatu usaha untuk memahami interaksi antara manusia dan alam yang digerakkan oleh kekuatan politik dan ekonomi.

Hal ini selaras seperti yang dijelaskan oleh Buch-Hansen dan Carstensen (2021) bahawa perbincangan dalam bidang EPK merupakan satu usaha memahami interaksi antara manusia, ekologi dan ekonomi melalui paradigma pembangunan yang lebih lestari. Dengan kata lain, Newell (2024) menegaskan bahawa bagi mencapai keseimbangan antara sosial, ekologi, dan ekonomi, peranan pemerintah amat penting dalam membentuk kesedaran ekologi masyarakat melalui pembaharuan dasar dalam institusi sosial, perundangan, ekonomi, dan politik sesebuah negara. Tegasnya,

pembentukan masyarakat yang peka terhadap ekologi memerlukan pendekatan holistik sebegini.

Bidang EPK ini mula diperkenalkan pada tahun 1930-an. Bidang EPK ini pertama kali muncul pada awal tahun 1935 hasil penulisan artikel oleh Thone (1935) yang diterbitkan pada tahun 1935 yang bertajuk '*Nature Rambling: We Fight For Grass, The Science Newsletter* (Alam Semula jadi: Perjuangan untuk Kehijauan, Berita Sains). Steward (1955) pernah digambarkan sebagai pejuang dalam sistem ekologi ini. Beliau pernah menghasilkan satu kajian yang berkaitan dengan EPK. Beliau mengkaji tentang kejayaan strategi manusia dalam memperbaiki sistem ekologi negara. Hasil pemahaman masyarakat daripada kajian-kajian yang dilakukan itu, maka pada 22 April 1970 muncul seramai lebih daripada dua juta orang warga penduduk Amerika Syarikat berdemonstrasi untuk melaungkan kepentingan memelihara ekologi (Ong Choon Nam, 2010). Hari tersebut telah diisytiharkan sebagai Hari Bumi Sedunia. Bermula daripada kesedaran ini, pelbagai slogan seperti Pergerakan Hijau dan Kepenggunaan Kehijauan kerap dilaungkan oleh mereka.


Pada tahun 1972, penumpuan kepada EPK semakin dikedepankan. Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar Manusia telah bersidang di Stockholm, Sweden pada 5 Jun 1972 untuk membantu menyelesaikan isu-isu ekologi melalui penubuhan program alam sekitar di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar Manusia (*United Nations Environment Programme*) dan Institut Antarabangsa untuk Alam sekitar dan Pembangunan (*International Institute for Environment and Development*) (Hazura Abu Bakar & Sharifah Norhaidah Syed Idros, 2007). Dalam persidangan tersebut mereka telah

mengisytiharkan beberapa perkara penting. Antaranya ialah pembaikan dan perlindungan ekologi sebagai isu utama yang menjejaskan kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi di seluruh dunia. Oleh sebab itu, keinginan rakyat seluruh dunia agar dalam masa segera pihak kerajaan mengambil serius akan perkara ini. Menurut Andrew & Julie (1997) antara aktiviti program alam sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merangkumi isu berkaitan dengan atmosfera, ekosistem marin, tadbir urus alam sekitar dan ekonomi hijau. Aktiviti-aktiviti ini memainkan peranan penting dalam membangunkan konvensyen alam sekitar antarabangsa, mempromosikan alam sekitar dan menggambarkan cara yang boleh dilaksanakan bersama dengan dasar-dasar kerajaan. Sejak itu, dunia mula menerima kepentingan isu ekologi yang dikaitkan dengan pembangunan yang mempunyai kaitan dengan ekonomi politik. Sarjana-sarjana mula bertambah sering membincangkan isu-isu EPK.

Sarjana global yang membincangkan EPK ialah Wolf (1972). Beliau menghasilkan kajian yang bertajuk '*Ownership and Political Ecology*'. Kajian itu memberi gambaran baru kepada bidang EPK. Beliau membincangkan isu-isu peraturan pemilikan tanah warisan dan hubung kaitnya dengan kerajaan dan ekologi. Pada tahun 1980, isu-isu ekologi mula diambil serius oleh pihak kerajaan. Hal ini dapat dilihat apabila *International Union for Conservation of Nature* (Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa) (1980) mula menitikberatkan keperluan menyatupadukan ekonomi dan politik dalam menangani isu pemeliharaan dan nilai alam sekitar melalui Strategi Pemuliharaan Dunia.

Laporan tersebut memberi kesinambungan penghasilan Laporan Brundtland oleh Kesatuan Dunia terhadap Alam Sekitar dan Pembangunan (WCED) untuk mendapatkan tindak balas dunia dalam peningkatan peratusan hubungan antara sistem ekologi dengan pembangunan yang mempunyai kaitan dengan ekonomi politik.

Selanjutnya, bidang EPK mula menonjol pada tahun 1990an apabila muncul pengkaji-pengkaji yang secara khusus membincangkan bidang EPK dalam pengajian pembangunan. Mereka seperti Greenberg & Park (1994), Martens (2006) dan Newman (2005). Mereka menyetujui perbincangan mengenai EPK disebabkan pembangunan yang direncanakan oleh pihak kerajaan tidak mementingkan ekologi dan alam sekitar. Seperti menurut Greenberg & Park (1994), isu-isu mengenai ekologi patut disepadukan dengan ahli ekonomi dan ahli politik. Hal ini kerana ia bersifat bersangkut paut dan saling berkait antara ketiga-tiga bidang tersebut. Tambahan lagi, menurut Martens, (2006) dan Newman (2005), agenda pembangunan lestari mementingkan tiga bidang teras utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar yang disifatkan sebagai satu proses multidimensi. Hal ini dijelaskan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Elemen Pembangunan Lestari

Sumber: Munasinghe (2008)

Rajah 1.1 menggambarkan hubungan elemen pembangunan lestari yang terdiri daripada beberapa elemen penting yang saling berkait iaitu bidang ekonomi, alam sekitar dan sosial. Sesebuah pembangunan memerlukan tiga elemen tersebut sebagai asas penting kelestarian jangka masa panjang yang saling melengkapi antara satu sama lain. Elemen ekonomi lebih menjurus kepada keperluan asas, kehidupan, kejiranan, pertumbuhan, kecekapan dan kestabilan.

Elemen politik pula dilihat menjurus ke arah penguatkuasaan, perundingan dan tadbir urus. Elemen alam sekitar akhirnya menjurus kepada pencemaran, sumber asli dan daya tahan. Matlamat pembangunan lestari ialah bagi memastikan pembangunan ekonomi dapat menyejahterakan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Penggunaan sumber secara bijaksana dan memastikan pemuliharaan terhadap alam sekitar dan juga sistem ekologi berada dalam kondisi yang baik (Munasinghe, 2008). Proses ke arah pemuliharaan alam sekitar seiring dengan matlamat pembangunan lestari yang merangkumi konsep jangka panjang dengan mengintegrasikan ilmu ekonomi, sosial dan alam sekitar (Pierantoni, 2003). Jelas bahawa pertumbuhan ekonomi tidak akan lestari tanpa mengambil kira aspek ekologi (Overton & Scheyvens 1999).

Seterusnya, bermula tahun 2000, bidang EPK mula lebih mendapat perhatian pihak kerajaan. Bidang EPK mula dibincangkan dari sudut matlamat pembangunan milenium atau disebut sebagai *Millennium Development Goals (MDG)*. Matlamat Pembangunan Milenium (*MDG*) sudah diperkenalkan dari tahun 2000 hingga 2015 oleh PBB dan diterima pakai oleh 192 buah negara yang bernaung di bawahnya. Ia memfokuskan kepada pengurangan miskin tegar dan komitmen untuk mencapai beberapa sasaran lain berdasarkan tempoh yang ditetapkan. Antaranya matlamat pembangunan milenium memfokuskan lapan sasaran utama iaitu membasmi kemiskinan dan kelaparan, mencapai pendidikan rendah yang universal, meningkatkan kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita, mengurangkan mortaliti kanak-kanak, memperbaiki kesihatan ibu bersalin, mencegah HIV/AIDS, malaria dan penyakit-penyakit lain, memastikan alam sekitar yang lestari, dan mewujudkan perkongsian global untuk pembangunan. Matlamat-matlamat ini dilihat ada yang telah dicapai dan ada yang masih belum dicapai (Malaysia Millennium Development Goals Report, 2015).

Oleh sebab itu, mulai tahun 2015 teori ilmu EPK berkembang lagi daripada fokus awalnya matlamat pembangunan milenium kepada secara lebih khusus matlamat pembangunan lestari yang juga disebut sebagai *Sustainable Development Goals (SDG's)*. *SDG's* telah diperkenalkan sebagai Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bermula pada tahun 2015 hingga 2030 iaitu lanjutan daripada Matlamat Pembangunan Milenium (*MDGs*) bagi mencapai sasaran yang tidak berjaya (Ferri, 2015). *MDGs* diwujudkan merupakan gabungan dan mengimbangi tiga unsur pembangunan lestari iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar (Ferri, 2010). Kedua-dua agenda *MDGs* dan *SDG's* merupakan kerangka gabungan untuk kestabilan alam yang melibatkan paradigma baru yang merangkumi sistem ekologi, masyarakat dan ekonomi (Griggs, 2013).

Selain itu, *SDG's* juga dilihat sebagai *triple bottom line* pembangunan lestari yang menekankan kesejahteraan manusia, kelestarian alam sekitar, dan pertumbuhan ekonomi secara seimbang (Sachs et al., 2019; Kanie & Biermann, 2020). Malah, perbincangan terkini menunjukkan bahawa pencapaian *SDG's* memerlukan pendekatan transformatif yang mengintegrasikan aspek tadbir urus politik, sistem ekonomi, dan keprihatinan ekologi secara serentak (Elder & Olsen, 2023). Tegasnya, *SDG's* menjadi agenda global yang relevan untuk memahami kerangka awal perkembangan EPK dalam abad ke-21.

SDG's telah diilhamkan ketika Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai pembangunan lestari di Rio de Janeiro pada tahun 2012 (*United Nations Development Programme (UNDP)* (2021). *SDG'S* 2030 telah mencerminkan visi masa depan yang bercita-cita tinggi dengan penekanan bahawa


tiada sesiapa yang ditinggalkan (*No One Left Behind*). Ia merupakan agenda transformasi yang memerlukan perubahan pada setiap peringkat untuk merealisasikan matlamat ini (Feiring et al. 2017). 17 buah matlamat yang terkandung dalam *SDG's* merangkumi pelbagai dimensi seperti ekologi, ekonomi dan sosial untuk tujuan pembangunan lestari (UNDP, 2021).

Setiap matlamat *SDG's* perlulah dicapai oleh semua negara anggota (PBB) menjelang tahun 2030. Kerangka *SDG's* ini adalah diasaskan oleh Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dan perjanjian-perjanjian hak asasi manusia yang lain. Bermula 1 Januari 2016, negara-negara dunia telah mengadaptasi agenda *SDG's* 2030 yang menggariskan sebanyak 17 matlamat, 169 sasaran dan 244 indikator yang ingin dicapai menjelang tahun 2030 (Portal Rasmi Unit Perancang Ekonomi Malaysia, 2021). *SDG's* diwujudkan bertujuan menangani masalah yang pelbagai dan kompleks yang dihadapi oleh manusia (Pradhan et al., 2017). Huraian terhadap konsep EPK dalam kebanyakan kajian lepas masih banyak menekankan aspek sejarah dan perkembangan ilmu ekologi yang berakhir dengan pengenalan Matlamat Pembangunan Lestari (*SDG's*).

Hakikatnya, EPK lahir daripada gabungan tiga kerangka utama iaitu ekologi, ekonomi, dan politik yang membentuk suatu pendekatan sepadu untuk memahami hubungan antara manusia, kuasa, dan alam sekitar (Buch-Hansen & Carstensen, 2021; Ramos, 2023). Elemen penting yang sering diketengahkan termasuklah persoalan kuasa dalam pengurusan sumber, hubungan antara struktur politik dengan eksploitasi alam sekitar, serta peranan sistem ekonomi dalam mempengaruhi keseimbangan ekologi. Melalui gabungan ini, EPK tidak hanya sekadar kerangka teori, tetapi turut

berfungsi sebagai pendekatan praktis dalam merangka dasar pembangunan lestari dan pembentukan polisi awam (Newell, 2024; Carter, 2024). Oleh itu, peranan EPK bukan sahaja untuk menghuraikan interaksi antara manusia dan ekologi secara akademik, tetapi juga untuk menyediakan asas kepada strategi pembangunan yang lebih adil, lestari, dan menyeluruh. Dengan kata lain, EPK perlu difahami bukan sekadar dalam kerangka sejarah perkembangan ilmu ekologi, tetapi sebagai satu bidang ilmu yang memiliki elemen teoritikal, metodologikal, dan praktikal yang boleh diaplikasikan dalam konteks pembangunan kontemporari.

Rajah 1.2 di bawah merumuskan perkembangan ilmu EPK yang dibincangkan oleh para sarjana. Di sini EPK dilihat mula berkembang dari tahun ke tahun bermula dari tahun 1935 sehingga kini. Dengan kata lain bidang EPK sudah pun ada yang membincangkannya.



Rajah 1.2 Perkembangan Teori Ilmu Eko-Politinomik Konvensional (EPK)

Sumber: Diolah daripada pelbagai Kajian Lepas

Matlamat pembangunan lestari dilihat antara teori ilmu EPK yang terkini diguna pakai secara global. Matlamat pembangunan dilihat sebagai konsep yang mengusulkan pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang dan penjagaan sistem ekologi dalam masa sama. Namun demikian, Asad Zaman (2024) menyatakan kebimbangan terhadap perlindungan sistem ekologi dan keadaan ekonomi yang sering berubah-ubah. Beliau menyifatkan kerosakan sistem ekologi hari ini berlaku disebabkan falsafah ekonomi kapitalis yang masih diamalkan dalam *SDG's* yang menggambarkan manusia dan sistem ekologi sebagai alat untuk memaksimumkan keuntungan.

Hal ini dapat dilihat apabila Grayling (2022) mengemukakan prinsip kepentingan diri (*principle of self-interest*) yang akan menjadi ciri masyarakat moden ketika ini iaitu “*Anything that can be done will be done if it brings advantage or profit to those who can do it*” (segala apa sahaja yang boleh dilakukan akan dilakukan jika ia mendatangkan manfaat atau keuntungan kepada orang yang mampu melakukannya) (Hlm. 61).

Prinsip ini mencerminkan bagaimana sistem moden sering berorientasikan keuntungan semata-mata tanpa mengambil kira implikasi terhadap ekologi, keseimbangan sosial, dan tadbir urus politik. Justeru, ia memperlihatkan keterpisahan antara dimensi ekonomi, politik, dan ekologi yang akhirnya membawa kepada krisis kemanusiaan dan alam sekitar. Dalam konteks ini, KEPBI hadir sebagai satu pendekatan alternatif yang menolak orientasi kepentingan diri semata-mata, sebaliknya menekankan kesepaduan antara kepentingan ekologi, keadilan ekonomi, dan etika politik yang berteraskan Islam. Ketika ini, dapat dilihat prinsip yang sama

diaplikasikan kepada cara gaya manusia berinteraksi dengan sistem ekologi, apabila pembalakan, penangkapan ikan, dan perlombongan semuanya dibolehkan secara berleluasa dengan tujuan ekonomi dan kepentingan pembangunan material dan dasar dan polisi kerajaan membenarkan aktiviti tersebut (Haris, 2024).

Hal ini kerana menurut Zaman (2024), pembangunan lestari secara kesimpulan hanya bertujuan pertumbuhan ekonomi dan perlindungan kepada sistem ekologi hanya sebagai sebab untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dapat terus berlangsung pada masa hadapan. Matlamat pembangunan lestari dilihat mirip dengan pandangan Islam dalam hasil yang ingin dicapai, tetap ia sangat berbeza ketika dilihat pada tujuan dan matlamatnya (Ahmad, 2005). Dalam pandangan Islam, sumber alam merupakan amanah suci yang diberikan Allah SWT dan melindunginya untuk generasi akan datang merupakan satu tanggungjawab utama manusia (Foltz et.al, 2003). Oleh sebab itu, sumber alam dianggap sebagai salah satu alat pembangunan yang utama dan tidak dapat dipisahkan. Hal ini kerana tanpa adanya sumber alam, sebarang bentuk pembangunan tidak dapat dilaksanakan sama ada dalam konteks pembangunan konvensional ataupun pembangunan berteraskan Islam (PBI) (Salleh, 2021). Sumber alam seperti bumi, langit, laut, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan segala ciptaan Allah SWT merupakan prasyarat asas kepada kewujudan aktiviti ekonomi, politik, sosial, budaya dan sebagainya.

Namun begitu, perspektif PBI melihat sumber alam bukan hanya sebagai modal ekonomi semata-mata, sebaliknya sebagai anugerah Allah SWT yang diberikan kepada manusia untuk digunakan dengan penuh tanggungjawab. Hakikat ini berbeza daripada pandangan pembangunan konvensional atau Barat yang lebih menekankan

sifat materialistik sumber alam, iaitu dilihat sebagai sesuatu yang boleh dieksploitasi semaksimum mungkin demi pertumbuhan ekonomi dan kepentingan manusia semata-mata (Salleh, 2003). Pandangan ini turut dikongsi oleh Bakar (1996) yang menjelaskan bahawa sumber alam dalam perspektif Islam bukan sekadar sumber material, tetapi mempunyai dimensi rohani sebagai *ayatullah* (tanda-tanda kebesaran Allah SWT) yang menuntut pemeliharaan dan penghormatan. Dalam Islam, segala sumber alam adalah milik mutlak Allah SWT, manakala manusia hanya berperanan sebagai khalifah atau pengurus sementara. Kedudukan ini memberikan kefahaman bahawa manusia tidak memiliki kuasa mutlak terhadap sumber alam, sebaliknya ia hanyalah amanah yang mesti diuruskan secara adil, seimbang, dan berhemah.

Seiring dengan itu, Foltz (2003) menegaskan bahawa konsep khalifah memberi tanggungjawab moral dan spiritual kepada manusia dalam menguruskan ekologi, yang secara jelas membezakan paradigma Islam daripada tradisi Barat yang lebih menekankan dominasi manusia terhadap alam. Selain itu, menurut Salleh (2003) sumber alam dalam PBI juga berfungsi sebagai alat ujian kepada manusia, untuk menilai sejauh mana mereka menunaikan tanggungjawab khalifah dalam memelihara serta memanfaatkannya. PBI tidak mengukur kemajuan berdasarkan kadar eksploitasi sumber alam, tetapi sejauh mana ia digunakan untuk mencapai keredaan Allah SWT serta memberi manfaat kepada seluruh manusia dan alam sekitar. Dalam hal ini, Sardar (1985) menekankan bahawa krisis alam sekitar moden berpunca daripada epistemologi sekular Barat yang menanggalkan dimensi moral dan spiritual daripada alam, sedangkan Islam menekankan integrasi kedua-dua dimensi tersebut. Ringkasnya, sumber alam dalam PBI merupakan alat pembangunan yang bukan sekadar memenuhi keperluan fizikal dan material, tetapi juga menjadi wahana untuk mencapai

kesejahteraan rohani dan kelestarian hidup. Berbeza dengan pendekatan Barat yang berorientasikan keuntungan dan pertumbuhan tanpa had, Islam meletakkan sumber alam dalam kerangka amanah Allah SWT yang mesti diuruskan dengan penuh tanggungjawab untuk generasi kini dan akan datang (Salleh, 2003; Bakar, 1996; Foltz, 2003; Sardar, 1985).

Tambahan lagi, Ilmu berkaitan ekologi-ekonomi-politik tidak sahaja dibincangkan dalam konvensional, sebenarnya ia telah disebut dalam al-Quran sejak dahulu lagi. Al-Quran telah menyediakan semua jawapan kepada permasalahan kehidupan manusia termasuklah dalam menangani isu-isu ekologi (Mat Akhir, 2004). Terdapat 16 ayat al-Quran yang membincangkan secara umum tentang alam sekitar (Imaduddin & Mat Akhir, 2016). Misalnya, dapat dilihat dalam ayat al-Quran yang bermaksud:

“Telah berlaku kerosakan di daratan dan di lautan kesan daripada perbuatan manusia, demikian (supaya Allah SWT) merasakan kepada mereka terhadap (kerosakan) yang mereka telah lakukan, semoga mereka kembali bertaubat.”

(Al-Rum, 30: 4)

Ayat di atas jelas membuktikan kerosakan yang berlaku di daratan dan di lautan terhasil daripada perbuatan manusia sendiri. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa walaupun tamadun manusia melebihi makhluk-makhluk Allah SWT yang lain, tetapi tetap kerosakan di atas muka bumi ini terjadi disebabkan oleh kelompok manusia sendiri melalui pengeksploitan sumber alam yang bersangatan (Zawawi, 1999).

Perkataan ekologi atau pun alam sekitar diguna pakai dalam Islam melalui beberapa maksud. Dalam Bahasa Arab akar perkataan ekologi adalah *عالم* (Alam) yang terdiri daripada huruf akar *ع ل م* yang membawa maksud alam sekitar (Marsuki dan

Ghazali, 2002). Islam mengajar umatnya untuk sentiasa berada dalam lingkungan sederhana dalam apa jua keadaan dan pelaksanaan (Haron Din,1988). Dengan kata lain, manusia perlu memahami dan mengurus dengan sebaik mungkin ekologi dan ciptaan Allah SWT sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi (Zawawi, 1999).

Walaupun dalam Islam telah lama membincangkan mengenai ekologi, ia juga tidak mengabaikan perbincangan yang berkaitan politinomik. Sebagai contoh, dalam bidang ekologi Islam pengkaji-pengkaji yang membincangkan adalah seperti Md Jali (1996), Zawawi (1999), Marsuki dan Ghazali (2002), Mat Akhir (2004) dan Imaduddin (2016), Saleh Hashim dan Amalina Abdullah (2020) dan Usman dan Nasir (2024).

Kebanyakan perbincangan mereka menampakkan konsep ekologi dan pengurusan ekologi dari sudut perspektif Islam. Bagi politinomik Islam pula, mereka yang melakukan kajian mengenainya adalah seperti Choudhury (1997), Awyni (2013) dan Mohd Rosdi (2014), Othman dan Mat Nor (2021), Suaidi (2023) dan Fransiska Ajustina dan Fauzatul Laily Nisa (2024). Antara perkara penting yang dijelaskan ialah berkaitan konsep politinomik Islam.

Meskipun dalam disiplin konvensional telah wujud perbincangan mengenai hubungan antara sistem ekologi dengan politinomik, namun perbincangan tersebut masih terbatas dan tidak banyak dilakukan secara menyeluruh. Dalam konteks Islam pula, perbincangan yang mengintegrasikan ekologi dengan politinomik Islam atau yang boleh disebut sebagai Eko-Politinomik Islam masih belum wujud sebagai satu bidang

ilmu yang bersepadu dan komprehensif. Justeru, kajian ini berusaha untuk mengisi kelompongan tersebut dengan meneroka dan membangunkan KEPBI.

1.3 Pernyataan Masalah

Daripada latar belakang kajian yang dibincangkan sebelum ini secara jelasnya menampakkan keseimbangan ekologi menjadi kehendak masyarakat modenisasi hari ini, namun belum ditemui konsep khusus yang menemukan perbincangan secara bersepadu. Kalau pun ada perbincangan mengenai politik dan ekonomi yang cuba dikaitkan dengan ekologi, ia masih dibincangkan secara tidak mendalam. Itu pun hanya dari sudut konvensional semata-mata. Kajian EPK yang dilihat dari sudut Islam masih belum lagi ditemui. Natiujahnya, berlaku ketidakseimbangan konsep ekologi apabila yang ditekankan hanya interaksi makhluk hidup dan alam sekitar dengan industri, budaya, media, haiwan, ekonomi, keluarga dan politik sahaja secara berasingan tanpa mempunyai hubungan antara satu sama lain. Permasalahan utama dunia pada hari ini bukan sekadar wujudnya krisis ekologi, ekonomi dan politik, tetapi kerana ketiga-tiga bidang ini ditangani secara terpisah tanpa satu kerangka integratif. Dominasi sistem ekonomi kapitalis global yang berorientasikan pertumbuhan telah mempercepatkan kemerosotan alam sekitar, memperluas jurang ketidaksamarataan sosial, dan melemahkan tadbir urus politik yang adil (Hickel & Kallis, 2020; Newell, 2021). Kegagalan ini menzahirkan realiti bahawa pendekatan pembangunan konvensional masih bersifat sektoral iaitu ekologi dipisahkan daripada ekonomi, ekonomi dipisahkan daripada politik sedangkan cabaran dunia bersifat saling berkait (Scoones et al., 2020).

Persoalannya, bolehkah penyelidikan berkenaan ekologi yang terpisah begini menemui permasalahan yang sebenar dan mencadangkan jalan penyelesaian yang

tepat padahal ekonomi dan politik merupakan dua aspek yang berkaitan dan pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain? Sedangkan untuk membangunkan sesebuah negara ekonomi dan politik tidak boleh terpisah antara satu sama lain. Sesuatu dasar yang diputuskan dalam sesebuah negara tidak terkesamping daripada melihat manfaat yang boleh diperoleh dari sudut ekonomi dan politiknya.

Tambahan pula, daripada aspek ekonomi politik sesebuah negara juga tidak dapat berperanan dengan baik jika peranan ekonomi tidak memberi manfaat sepenuhnya kepada politik dan sebaliknya juga. Menurut Sen (1999) & Khan (2003) kebiasaannya ahli politik sama ada dalam kalangan ahli politik Islam mahupun konvensional lebih menumpukan perhatian kepada bidang politik sehingga menyukarkan mereka untuk melaksanakan pengurusan ekonomi negara secara berkesan. Begitu juga, ahli ekonomi yang terlalu tertumpu pada bidang ekonomi sering kali gagal memainkan peranan secara signifikan dalam urusan politik kenegaraan.

Dengan sebab itu, hilanglah kelestarian bidang Politinomik Islam ini dan berlaku pula permasalahan dalam menyeimbangkan antara ekonomi Islam dengan politik Islam atau politik Islam dengan ekonomi Islam bagi sesebuah pembangunan negara. Daripada isu-isu tersebut, kenapakah penyelidikan berkenaan eko-politinomik Islam ini tidak dilakukan secara sepadu padahal ada satu disiplin yang dinamakan politinomik Islam yang boleh dijadikan sebagai instrumennya? Sebagai contoh, Choudhury (1982; 1990a; 1990b; 1992; 1997a; 1997b) pernah mendefinisikan politinomik Islam sebagai satu ilmu yang mempelajari hubungan antara kerajaan (syura) dengan sub sistem pasaran. Definisi ini mempamerkan bahawa ekonomi dan politik mempunyai hubung kait antara satu sama lain. Dalam pada masa yang sama

tidak meninggalkan sosial. Bidang ini juga penting sebagai titik temu antara Islam, ekonomi dan politik dengan fokus kepada keadilan dan kebajikan terhadap masyarakat (Nurul Huda, 2024).

Perhubungan ini penting untuk mengimbangkan tindakan kepada penerimaan terhadap kerajaan, institusi sosial dan institusi syariat yang berperanan dalam perilaku kehidupan manusia (Chamhuri, 2001). Menurut Elias (2006) ilmu dan kefahaman mengenai hubungan ekonomi, politik dan ekologi ini penting untuk melestarikan pembangunan sesebuah negara.

Jelas di sini bahawa pembangunan perlu mengambil kira berkenaan pemuliharaan sistem ekologi. Sebagai contoh, hal ini dapat dilihat menurut Barnosky dan Hardly (2015), mengatakan ramai sarjana dan pakar saintis dunia telah sedar bahawa perubahan iklim dan pemanasan global yang muncul hanya kebelakangan ini berpunca daripada tiada tindakan sewajarnya daripada ahli-ahli politik yang menguruskan kerajaan dari sudut dasar dan polisi negara.

Hal ini dilihat penting oleh Haris (2024), yang mengatakan bahawa pemimpin politik pada hari ini memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan pemeliharaan sistem ekologi melalui kesungguhan para pemimpin politik (*political will*) untuk menguatkuasakan undang-undang. Oleh sebab itu, untuk mencapai hasrat kelestarian alam sekitar atau ekologi dalam pembangunan negara, seperti yang digariskan oleh Clayton dan Bass (2002), ia memerlukan pendekatan strategik, iaitu perspektif jangka masa panjang dan pengintegrasian pelbagai proses pembangunan termasuklah pembangunan ekonomi, politik dan ekologi. Maka, persoalannya

bagaimanakah pengintegrasian itu dapat dilakukan pula dalam bidang ekologi dengan ekonomi politik?

Dalam keadaan itu kenapa penyelidikan tentang ekologi ini tidak dilakukan dengan menggunakan disiplin ekonomi politik yang terkini yang dinamakan “Politinomik”? Terma Politinomik ini telah diperkenalkan oleh Kinderger (Naeda Equipment Dealer, 2009). Ia merujuk kepada persoalan bagaimana ilmu politik dan ilmu ekonomi itu boleh bertemu secara bersepadu. Bolehkah ekologi itu sendiri bersepadu dengan bidang politinomik Islam ini? Selain itu, kenapakah penyelidikan tentang ekologi yang berkaitan dengan politinomik Islam di negara-negara Muslim khususnya yang majoriti penduduknya terdiri daripada penganut Islam dan Islam pula merupakan agama rasmi tidak dilihat daripada perspektif Islam? Hal ini kerana menurut Carson (1962) pemikiran dan pembangunan dalam dunia baru moden ini hanya memfokuskan keuntungan kebendaan semata-mata tanpa menghiraukan kesan negatif kepada alam sekitar. Ujang (1992) menegaskan keuntungan itu pula dihitung daripada segi kebendaan semata-mata iaitu dengan membezakan antara jumlah pendapatan dengan perbelanjaan.

Keuntungan atau kerugian yang bersifat bukan kebendaan tidak diambil kira, misalnya keseimbangan alam sekitar dan nilai masyarakat. Akibatnya, eksploitasi terhadap sumber alam secara berleluasa tidak dikira sebagai satu kerugian, walaupun ketidakseimbangan alam sekitar berlaku selepasnya (Carson, 1962). Ujang (1992) pengurusan sistem ekologi perlu mempunyai integrasi ekonomi, politik dan spiritual secara bersepadu dalam menangani kemelut ini. Menurut Nasr (1964) spiritual di sini

bermaksud dengan pendekatan agama Islam yang diintegrasikan dengan alam sekitar dan politik.

Nasr (1968) menjelaskan isu-isu ekologi pada zaman kini berlaku bukanlah terjadi kerana kesalahan agama Islam tetapi disebabkan umat Islam itu sendiri telah meninggalkan tradisi spiritual Islam. Kajian yang dicadangkan ini berhasrat untuk menjawab persoalan-persoalan ini. Oleh itu, keperluan untuk menyepadukan ketiga-tiga domain ini dalam satu kerangka yang berteraskan nilai adalah mendesak, agar dapat melahirkan pembangunan yang holistik, adil, dan lestari (Carter et al., 2023).

Dari sini, menunjukkan bahawa setakat ini, kajian yang cuba menghubungkan ekologi dengan konsep politinomik ini, atau boleh diakronimkan sebagai “Eko-Politinomik” telah dibicangkan oleh beberapa orang sarjana. Namun begitu, perbincangan tersebut masih terbatas dan masih belum mencapai tahap integrasi yang benar-benar menyeluruh. Tambahan lagi, kajian yang dilakukan untuk melihat kesepaduan antara ekologi Islam dengan politinomik Islam dalam pembinaan sebuah konsep pembangunan negara yang holistik masih belum ada yang melakukannya. Daripada hal yang demikian kajian ini penting untuk menumpukan pembinaan suatu konsep baru yang menghubungkan antara ekologi Islam dengan politinomik Islam terutama di negara-negara Muslim secara khususnya seperti Malaysia. KEPBI ini akan memberi panduan kepada pemerintah dalam pembuatan dasar dan polisi atau merancang strategi pembangunan ekonomi atau strategi politik.

KEPBI dilihat penting untuk diperkenalkan kerana kerangka eko-politinomik konvensional yang berasaskan falsafah Barat moden masih cenderung bersifat

antroposentrik, materialistik dan berorientasikan keuntungan semata-mata sehingga gagal menangani secara tuntas krisis ekologi, ketidakseimbangan ekonomi dan penyelewengan politik global (Grayling, 2022; Ramos, 2023). Dalam konteks ini, KEPBI dilihat sebagai satu kerangka alternatif berasaskan paradigma *tauhid* yang menekankan peranan manusia sebagai khalifah Allah di bumi (Nasr, 1996; Foltz, 2006), mengintegrasikan ekologi, ekonomi dan politik secara seimbang (Hathab & Mohd Rosdi, 2021), serta menjadikan prinsip keadilan dan *maslahah* sebagai asas kesejahteraan dan pembangunan lestari (Auda, 2024; Choudhury, 2023). Dengan demikian, konsep ini bukan sahaja berfungsi sebagai disiplin ilmu, tetapi juga sebagai model praktikal dalam merangka dasar pembangunan yang holistik, adil, dan lestari berlandaskan prinsip-prinsip Islam (Kamali, 2019; Auda, 2024).

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan sebelum ini, umumnya kajian ini dilakukan untuk meneliti KEPBI. Daripada objektif umum itu, ditemukan tiga objektif khusus seperti berikut:

- 1) Mengetahui asas-asas ekologi Islam dengan politinomi Islam.
- 2) Menganalisis integrasi ekologi Islam dengan politinomi Islam.
- 3) Merumuskan konsep eko-politinomi berteraskan Islam (KEPBI).

1.5 Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan di Bahagian 1.4 beberapa persoalan kajian seperti dalam Jadual 1.1 perlu dijawab. Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- i) Apakah asas-asas ekologi Islam?
- ii) Apakah asas-asas politinomi Islam?
- iii) Bagaimanakah politinomi Islam disepadukan dengan ekologi Islam?
- iv) Mengapakah politinomi Islam disepadukan dengan ekologi Islam untuk membina konsep eko-politinomi berteraskan Islam?
- v) Apakah konsep eko-politinomi berteraskan Islam?

Jadual 1.1 Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

BIL	Objektif	Persoalan Kajian
1.	Mengenal pasti asas-asas ekologi Islam dengan politinomi Islam	i. Apakah asas-asas ekologi Islam? ii. Apakah asas-asas politinomi Islam?
2.	Menganalisis integrasi ekologi Islam dengan politinomi Islam	iii. Bagaimanakah politinomi Islam disepadukan dengan ekologi Islam? iv. Mengapakah politinomi Islam disepadukan ekologi Islam dengan untuk membina KEPBI?
3.	Merumuskan KEPBI	v. Apakah konsep eko-politinomi yang berteraskan Islam?

Jadual 1.1 di atas menunjukkan hubungan antara objektif kajian dengan persoalan kajian. Untuk mencapai tiga objektif kajian, terdapat lima persoalan yang dikemukakan. Bagi objektif kajian pertama, terdapat dua persoalan yang dikemukakan. Pertama, apakah asas-asas ekologi Islam? Kedua, apakah asas-asas Politinomi Islam? Seterusnya, bagi mencapai objektif kajian kedua, dua persoalan kajian telah digariskan. Pertama, bagaimanakah politinomi Islam disepadukan dengan ekologi Islam? Kedua, mengapakah politinomi Islam disepadukan dengan ekologi Islam untuk membina KEPBI? Untuk objektif kajian yang ketiga pula, satu

persoalan kajian telah diberikan iaitu apakah konsep eko-politinomik yang berteraskan Islam?

1.6 Definisi Operasional

Terdapat dua kata kunci utama yang digunakan dalam kajian ini. Kata kunci pertama ialah konseptualisasi dan kedua ialah eko-politinomik Islam. Definisi operasional bagi kata-kata kunci itu dibincangkan untuk menjelaskan maksud secara khusus yang digunakan dalam kajian ini. Huraian terperinci mengenai kedua-dua kata kunci tersebut adalah seperti di bawah.

1.6.1 Konseptualisasi

Secara umum konseptualisasi diertikan sebagai kerangka konseptual yang digunakan sebagai pedoman dalam melakukan suatu kegiatan (Abdul Majid, 2013). Selain itu, konseptualisasi juga ialah gambaran idea, objek dan benda dalam bentuk yang disederhanakan daripada sesuatu keadaan dan fenomena alam. Konseptualisasi berisi informasi- informasi tentang suatu fenomena yang dibuat dengan tujuan untuk mempelajari fenomena yang sebenarnya (Mahmud Achmad, 2008). Menurut Steinmuller (1993), konseptualisasi ialah jumlah informasi berkaitan kandungan dan definisi sesuatu perkara. Dengan kata lain menurut beliau konseptualisasi dicipta oleh seseorang untuk sesiapa yang memerlukan dan atas sesuatu tujuan. Tambahan lagi menurut Friedenthal, Moore, dan Steiner (2009), konseptualisasi merupakan gambaran satu atau lebih konsep yang dapat digambarkan dalam kata-kata dalam menyelesaikan sesuatu isu atau masalah yang dihadapi.

Konseptualisasi dalam perspektif Islam pula ditakrifkan sebagai proses pembinaan konsep yang berpaksikan epistemologi Islam. Proses ini tidak hanya bersandar kepada kaedah empirikal atau rasional semata-mata, tetapi berasaskan sumber wahyu, iaitu al-Quran, Hadis, ijmak, dan ijtihad ulama (al-Attas, 1995; Kamali, 2008). Ia dipandu oleh prinsip tauhid, syariah, akhlak, serta maqasid al-shariah yang menekankan keseimbangan antara dimensi rohani, moral, dan material (Salleh, 2012). Sehubungan itu, konseptualisasi dalam perspektif Islam berbeza daripada konseptualisasi konvensional yang lazimnya dibina atas asas pemikiran sekular, rasional atau empirikal semata-mata (Chilisa, 2012). Islam menekankan bahawa pembangunan konsep mestilah bersifat integratif, tidak terpisah daripada nilai-nilai agama, malah harus memandu manusia ke arah *mardatillah* iaitu keredaan Allah SWT. Definisi operasional oleh al-Attas (1995) dan Kamali (2008) dilihat sesuai digunakan dalam kajian ini bagi memastikan kerangka konsep yang dibangunkan selaras dengan tasawur Islam dan tidak terikat sepenuhnya kepada kerangka Barat.

1.6.2 Eko-Politinomik Islam

Ekologi Islam ditakrifkan sebagai hubungan timbal balik antara manusia, alam sekitar, dan seluruh makhluk ciptaan Allah SWT yang diatur berdasarkan prinsip dalam sumber-sumber Islam. Ekologi dilihat bukan sekadar sumber ekonomi, tetapi sebagai amanah Allah SWT yang mesti dipelihara demi keseimbangan kehidupan di dunia dan akhirat (Nasr, 1968; Salleh, 2012). Ekologi Islam menekankan bahawa manusia sebagai khalifah perlu mengurus sumber alam dengan penuh tanggungjawab, mengelakkan kerosakan (*fasad*), dan memastikan kelestarian (*isti'mar*) selaras dengan tuntutan syariah (Foltz, 2003; Izzi Dien, 2000). Oleh itu, ekologi tidak hanya dilihat